

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-17**  
**Kuliah Maghrib kali ke-101**  
**Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong, Perak**

**APAKAH BIDANG ILMU FALSAFAH?**

Adapun falsafah, tidaklah ia suatu ilmu yang berdiri sendiri, tetapi terdiri daripada 4 bahagian :

1. Ilmu matematik (kira-mengira dan ukur-mengukur)
2. Ilmu mantiq (ilmu logik)
3. Ilmu keTuhanan
4. Ilmu tentang alam (ilmu tabi'i)

Dalam kitabnya Al-Munqiz min Adh-Dhalal (Selamat dari Kesesatan), Imam Ghazali menambahkan dua lagi bidnag ilmu mereka iaitu:

1. Ilmu politik
2. Ilmu akhlak

**ILMU KETUHANAN AHLI-AHLI FALSAFAH**

Iaitu membahaskan zat Allah Ta'ala dan sifatNya. Ini termasuk dalam ilmu kalam.

Ahli-ahli falsafah tidak menyendiri mengenai ilmu keTuhanan dengan bentuk suatu ilmu yang lain, tetapi mereka menyendiri dengan bentuk aliran-aliran. Sebahagian daripadanya adalah kufur dan sebahagian lagi adalah bid'ah.

Sebagaimana aliran Mu'tazilah pun tidaklah merupakan suatu ilmu yang berdiri sendiri, tetapi para penganutnya adalah suatu golongan daripada ulama mutakallimin (ulama-ulama ilmu kalam). Dan ahli perbahasan dan pendalilan itu menyendiri dengan mazhab-mazhab yang batil. Maka seperti itu pulalah para ahli falsafah.

## **SIAPAKAH AHLI-AHLI FALSAFAH?**

Mereka mengaku bahawa mereka ialah golongan logik, dan membawa pendalilan secara logik.

Ketahuilah, sekalipun mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan, tetapi bolehlah dibahagikan kepada 3 sahaja iaitu :

1. Golongan Dahriyyun
2. Golongan Tabi'iiyun
3. Golongan Ilahiyyun

### **Dahriyyun**

Mereka menafikan kewujudan Tuhan. Mereka percaya alam ini terjadi dengan sendirinya. Imam Al-Ghazali menyatakan mereka sebagai zindik. Maksudnya mereka bukan Islam.

### **Tabi'iiyun**

Banyak mengkaji tentang manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Hasil kajian mereka menunjukkan adanya Pencipta kerana segala ciptaan itu dijadikan begitu sempurna. Maksudnya mereka yakin kewujudan Tuhan. Namun begitu mereka menafikan kebangkitan semula, hari akhirat, syurga, neraka, Padang Mahsyar, hisab dan lain-lain. Mereka juga menolak konsep pahala dan dosa. Bagi mereka tidak ada pahala dan dosa. Oleh itu mereka menjadi hamba kepada hawa nafsu. Golongan ini juga disebut zindik. Mereka bukan Islam.

### **Ilahiyyun**

Antara bidang yang dikuasai dan dikaji oleh golongan ini ialah matematik, kejuruteraan, geografi, biologi, keTuhanan, politik, akhlak dan mantiq (logik). Mereka percaya akan kewujudan Tuhan.

Antara tokoh golongan ini ialah Socrates, muridnya Plato, dan murid Plato iaitu Aristotle. Namun kaum Ilahiyyun ini terpecah pula kepada 2

puak. Menurut Imam Al-Ghazali, Aristotile tidak menerima pendapat Plato dan Socrates, malah Aristotile menganggap mereka berdua tidak bersih dan masih kekal dalam kekufuran dan bid'ah.

### **APAKAH YANG DIKAFIRKAN OLEH AL-GHAZALI?**

Terdapat 20 perkara asas pegangan kaum ini yang ditolak oleh Imam Al-Ghazali iaitu :

1. 3 perkara yang wajib dikufurkan.
2. 17 perkara yang dibid'ahkan.

### **APAKAH 3 PERKARA YANG WAJIB DIKUFURKAN ITU?**

**Pertama** – Tentang alam akhirat. Golongan ini percaya yang jasad tidak akan dihimpun semula dengan ruh selepas kematian. Kenikmatan syurga dan keazaban neraka itu juga bersifat rohani, bukan jasmani. Sedangkan menurut ajaran agama Islam, jasad kita akan berhimpun semula dengan ruh di akhirat nanti, dan syurga neraka itu dialami oleh rohani & jasmani.

**Kedua** – Tuhan hanya mengetahui perkara2 yang bersifat umum, dan tidak mengetahui perkara2 yang kecil-kecil. Hal ini juga berbeza dgn pegangan umat Islam iaitu Tuhan Maha Mengetahui segala perkara.

**Ketiga** – Mereka percaya alam ini qadim. Maksudnya alam ini sudah sedia ada sebagaimana Tuhan yang sudah sedia ada sejak azali. Unsur-unsur awal yang menjadikan alam ini sudah sedia ada bersama-sama Tuhan. Tuhan bukanlah Pencipta segala sesuatu kerana ada benda yang tidak diciptakan oleh Tuhan tetapi benda itu sudah sedia wujud.

Keyakinan umat Islam tentunya berbeza. Kita percaya alam ini baharu. Pada asalnya ia tidak ada, yang ada hanyalah Tuhan. Selepas Tuhan menciptakan alam ini, barulah alam ini wujud. Alam tidak qadim. Yang qadim hanyalah Allah. Tuhan menciptakan segala sesuatu termasuklah alam ini.

## **INTIPATI KULIAH KALI INI**

### **Siapakah ahli-ahli falsafah?**

Orang-orang yang menghujahkan kebenaran dengan jalan logik.

### **Apakah bidang-bidang ilmu falsafah?**

5. Ilmu matematik
6. Ilmu mantiq
7. Ilmu keTuhanan
8. Ilmu alam (ilmu tabi'i)
9. Ilmu politik
10. Ilmu akhlak

### **Ada berapa golongan ahli falsafah?**

4. Golongan Dahriyyun
5. Golongan Tabi'iiyun
6. Golongan Ilahiyyun

### **Apa pegangan golongan Dahriyyun?**

Mereka tidak percaya kewujudan Tuhan.  
Alam ini dipercayai jadi dengan sendirinya.

### **Bolehkah alam terjadi dengan sendirinya?**

Mustahil, kerana setiap sesuatu ada yang menjadikannya. Lebih-lebih lagi, mustahil yang tidak berakal dapat mencipta sesuatu yang berakal.

### **Apa pegangan golongan Tabi'iiyun?**

Mereka percaya kewujudan Tuhan.  
Tidak percaya hari kebangkitan, dosa pahala dan syurga neraka.

### **Dari segi akal, antara percaya hari akhirat dengan tidak percaya, manakah yang lebih untung?**

Percaya, kerana jika rugi pun hanya rugi 70-80 tahun sahaja.

**Apakah pegangan ahli-ahli falsafah golongan Ilahiyyun yang membawa kepada kekufuran?**

1. Selepas mati, yang dibangkitkan hanyalah ruh, tanpa jasad.
2. Tuhan tidak mengetahui segala perkara.
3. Alam ini qadim, sama dengan Tuhan.

**Bolehkah kita minum arak dengan tujuan untuk meningkatkan tumpuan pada ibadah ataupun sebagai ubat? Apakah hukumnya?**

Tidak boleh. Haram!

**Adakah dengan mengimani bahawa Tuhan itu satu, seseorang itu dikira beragama Islam?**

Tidak. Ada orang Yahudi dan Kristian Unitarian yang percaya Tuhan itu satu, tetapi mereka tetap tidak digolongkan dalam golongan Muslim.

## **IMBAS KEMBALI KULIAH YANG LEPAS**

### **Siapakah Imam Syafi'i?**

Orang yang mengasaskan Mazhab Syafi'i.

### **Siapakah Imam Ahmad bin Hanbal?**

Pengasas Mazhab Hanbali. Anak murid kepada Imam Syafi'i. Imam Maliki guru kepada Imam Syafi'i. Imam Syafi'i pula guru kepada Imam Hambali.

### **Ulama-ulama sufi yang disebutkan kali ini:**

1. Syaiban
2. Ma'ruf al-Karkhi
3. Junaid al-Baghdadi.
4. Sirri as-Saqti.

### **Apakah ilmu kalam?**

(Antara cirinya ialah) Ilmu yang menggunakan dalil-dalil akal fikiran dan kata-kata dalam mencari kebenaran. Contohnya golongan Asya'irah, Maturudiyah, Mu'tazilah, Murji'ah, Qadariyyah, Jabbariyah dan lain-lain.

### **Baguskah ilmu kalam?**

Bagus. Cuma kita jangan hanyut di dalamnya sehingga mengabaikan ilmu tasawuf. Juga jangan hanyut dalam perjidalan/ perdebatan yang menjadi budaya ilmu kalam kerana akan menghabiskan banyak masa dan tenaga.

## MAKLUMAN

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas?

Usah kkuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet, iaitu di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini sudah ada **99 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Selamat mengambil manfaat.

